

**BN Sabah Perlu Kaji Semula Formula Perkongsian Kuasa - Ongkili
Bernama
14 Sept, 2013**

KENINGAU, 14 Sept (Bernama) -- Timbalan presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata terdapat keperluan bagi Barisan Nasional (BN) Sabah mengkaji semula formula perkongsian kuasa antara lapan parti komponen di negeri itu.

Beliau berkata terdapat keperluan untuk formula yang diamalkan oleh BN negeri itu dilaksanakan secara telus dan adil bagi meningkatkan sokongan rakyat Sabah terhadap BN.

"Semakan semula formula ini penting bagi masa depan BN apabila landskap politik sudah berubah dengan begitu drastik dan rakyat mempunyai lebih banyak pilihan," katanya.

Ini adalah bagi memastikan kepentingan semua pihak dalam keluarga BN dijaga dengan baik dan setiap parti komponen mempunyai peranan dalam proses politik, membuat keputusan dan menikmati manfaat daripada pembangunan.

"Barulah mereka akan berasa mereka benar-benar sebahagian daripada keluarga BN dan mekanisme ini akan menarik lebih ramai orang menyokong perjuangan BN," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan PBS Bahagian Sook di sini Sabtu.

Ongkili, yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, berkata formula perkongsian kuasa, yang digubal oleh sebuah kumpulan kerja yang diketuai oleh Speaker Sabah, Datuk Seri Salleh Tun Said Keruak, dan diamalkan sekarang perlu dikaji semula.

Ini bagi memastikan mekanisme yang terkandung dalam formula perkongsian kuasa benar-benar diamalkan, katanya.

Beliau berkata rungutan bahawa formula perkongsian kuasa tidak diamalkan dalam erti kata sebenar sudah kedengaran sejak beberapa lama dan oleh itu kajian semula formula ini perlu dilaksanakan.

BN Sabah terdiri daripada parti Umno, PBS, Parti Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), MCA, MIC dan Gerakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977856>